

# Sri Lanka sedia berundur jika Dr. M dipilih Setiausaha Agung PBB

KUALA LUMPUR 28 Dis. — Calon Sri Lanka bagi jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tyronne Fernando bersedia menarik diri dari merebut jawatan itu jika para pemimpin dunia memilih bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau menyifatkan pemilihan ke jawatan terbabit sebagai satu proses demokrasi dan menyerahkan penentuan siapa yang lebih layak menjawat jawatan itu kepada para pemimpin antarabangsa.

“Perbadanan Penyiaran British (BBC) bertanya saya hari ini, bagaimana kalau Dr. Mahathir tampil (bagi jawatan Setiausaha Agung), saya menjawab; kalau terbukti beliau seorang diplomat yang lebih baik dari saya, maka saya akan berundur,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar khas ketika singgah di negara ini dalam perjalanan pulang dari Mauritius.

Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan akan tamat penggal kedua beliau pada 31 Disember 2006.

Menurut Fernando, peluang kini terbuka kepada calon dari Asia untuk menjawat jawatan tersebut setelah begitu lama diberikan kepada calon dari negara-negara luar Asia.

Kali pertama dan terakhir jawatan Setiausaha Agung dipegang oleh wakil Asia adalah pada tahun 1961 iaitu oleh U Thant dari Myanmar.

Tambah Fernando, kerajaan Sri Lanka telah mencalonkan nama beliau untuk jawatan tersebut pada 8 Oktober lalu.